

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai pelaburan yang telah dibuat oleh SRC International Bhd. yang berjumlah RM3.81 bilion seperti yang tercatat dalam penyata kewangan bertarikh 31 Mac 2014. Adakah SRC International akan memerlukan suntikan dana daripada Kementerian untuk membiayai bayaran faedah pinjaman syarikat.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelaburan SRC International Bhd. sebanyak RM3.81 bilion telah dilaburkan di dalam aset-aset yang berkaitan dengan sumber alam asli dan batu-bara di luar negara termasuk

Indonesia dan Mongolia.